



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF  
KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA TAHUN 2025 (SHWA25)  
PERINGKAT ZON TIMUR**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**AR RIYADAH RESIDENCE, TERENGGANU**

**18 FEBRUARI 2025 (SELASA) / 8:00 PAGI – 1:00 TENGAH HARI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Malaysia Madani

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

Para hadirin sekalian,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala, kerana pada hari ini, kita dapat berkumpul bersama-sama bagi meraikan **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2025 (SHWA25) Peringkat Zon Timur** anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).
2. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini kerana kehadiran puan-puan dan tuan-tuan merupakan satu lambang penghormatan dan sokongan yang amat berharga dalam usaha kita memperkasakan wanita di Malaysia.

## **(B) PERANAN WANITA DALAM MASYARAKAT**

3. KPWKM telah memilih Tema '**Wanita Beraspirasi Membina Legasi**' bagi sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini. Tema ini bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk mengiktiraf sumbangan wanita dalam pelbagai bidang serta memberi inspirasi kepada generasi akan datang. Wanita bukan sahaja memainkan peranan penting dalam keluarga dan masyarakat, malah mereka juga merupakan pemacu dan tonggak pembangunan negara.
4. Sejarah telah membuktikan bahawa wanita berperanan sebagai agen perubahan dan pembina legasi dalam membentuk masyarakat, negara, dan dunia secara holistik. Hari ini, kita melihat wanita berjaya dalam pelbagai bidang, termasuk pendidikan, kepimpinan, ekonomi dan sosia, malah ada yang menerajui syarikat-syarikat besar serta menduduki jawatan penting di peringkat global. Justeru, tidak hairanlah jika kita lihat pada hari ini, wanita tidak hanya memainkan peranan dalam keluarga dan komuniti, tetapi mereka juga

menjadi pemimpin, inovator, dan pejuang yang mampu menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.

### **(C) KESELAMATAN DAN HAK WANITA**

5. Walaupun wanita menunjukkan perkembangan yang melambangkan kemajuan dalam pelbagai bidang, namun cabaran berkaitan keselamatan dan hak wanita masih lagi wujud. Berdasarkan **statistik kes keganasan terhadap wanita pada Januari hingga Disember 2024, zon Pantai Timur telah mencatat sebanyak 1,986 kes. Statistik Gangguan Seksual bagi zon Pantai Timur pula adalah sebanyak 51 kes.**
6. Dalam konteks ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat memandang serius tentang keselamatan dan hak wanita. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) sentiasa giat melaksanakan **pelbagai usaha advokasi**

**sepanjang tahun** bagi memberi kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat serta meningkatkan pengetahuan untuk mengekang isu seperti keganasan rumah tangga dan gangguan seksual. Tambahan pula, pada tahun 2024, KPWKM melalui JPW telah mengadakan **tinjauan soal selidik awam dan sebanyak 10 keutamaan telah dikenal pasti**. Hasil tinjauan tersebut menunjukkan 89.2% bersetuju supaya keselamatan dan hak wanita diberikan perhatian dalam pengemaskinian Dasar Wanita Negara sedia ada dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Tahun 2025-2030.

#### **(D) WANITA DAN PENDIDIKAN**

Hadirin yang saya muliakan,

7. Pendidikan merupakan kunci utama bagi wanita untuk mencapai potensi diri. Melalui pendidikan, wanita dapat memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan keyakinan diri untuk bersaing dan menyumbang secara aktif dalam pelbagai bidang. Pendidikan juga

membuka peluang kepada wanita untuk membina kerjaya yang cemerlang, meningkatkan taraf hidup dan seterusnya memberi impak positif kepada keluarga dan masyarakat.

8. Melalui pendidikan, wanita dapat mengubah nasib hidup, memperjuangkan hak, mencapai kebebasan ekonomi, dan berjuang sebagai pemimpin dalam masyarakat. Oleh itu, usaha memastikan akses pendidikan yang setara dan berkualiti untuk semua wanita harus diteruskan kerana pendidikan adalah pemangkin utama kepada perubahan sosial yang berkesan. Inisiatif Kerajaan Madani untuk memastikan semua wanita mendapat akses kepada pendidikan harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat agar wanita mendapat peluang untuk masa depan yang lebih adil dan sejahtera.
9. Selain itu, pendidikan membolehkan wanita memahami hak-hak mereka termasuklah hak-hak dalam perkahwinan dan hak dari segi undang-undang. Ilmu yang diperolehi daripada

pendidikan dapat membantu wanita membuat keputusan yang bijak dan melindungi diri mereka daripada sebarang bentuk diskriminasi atau ketidakadilan.

**(E) SOKONGAN KOMUNITI DAN KELUARGA**

Para hadirin sekalian,

10. Saya menyeru kepada semua masyarakat untuk terus memberi sokongan dan peluang kepada wanita untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Ini termasuklah menyediakan biasiswa, kemudahan latihan dan program-program yang dapat memperkasakan wanita dalam pelbagai bidang.
11. Sokongan daripada keluarga, rakan-rakan dan komuniti adalah faktor penting yang dapat membantu wanita mencapai aspirasi mereka. Sokongan yang kuat mampu memberi wanita kekuatan dan keupayaan untuk berkembang dengan penuh keyakinan.

## **(F) HARAPAN**

Hadirin yang saya muliakan,

12. Bagi merealisasikan dan mendukung tema *Wanita Beraspirasi, Membina Legasi*, perjalanan ini masih panjang dan memerlukan komitmen semua pihak. Usaha mengangkat wanita untuk mencipta perubahan yang berkekalan perlu diberi perhatian bagi memastikan wanita di Malaysia mendapat akses yang saksama dan bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi. Jumlah kes keganasan terhadap wanita sepatutnya sudah berkurangan sejajar dengan perkembangan kedudukan wanita itu sendiri. Masyarakat Malaysia khususnya orang pantai Timur harus bersama-sama kerajaan mengurangkan jumlah kes yang saya sebutkan diawal ucapan tadi seterusnya menyumbang kepada hasrat kerajaan Madani dan iltizam global untuk menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap wanita.

13. Saya berharap agar Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2025 Peringkat Zon Timur ini dapat menyemarakkan dan menjadi pemangkin kepada perubahan yang lebih bermakna.
14. Akhir kata, saya berharap agar Sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini akan menjadi platform untuk kita semua memperbaharui komitmen dan usaha kita dalam memperkasakan wanita di Malaysia. Marilah kita bersama-sama membina legasi yang gemilang untuk wanita, demi kemajuan dan kesejahteraan negara kita.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YBHG. DATUK DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF**

**KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**18 Februari 2025**